



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "YANG DI-PERTUAN AGONG: PAYUNG KEDAULATAN NEGARA"

29 Mei 2026 / 12 Zulhijah 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati Illahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT kerana ketakwaan itu menjadikan kita insan berilmu, ditinggikan darjat, seterusnya mendapat keampunan dan kemuliaan di sisi Allah SWT. Menjelang sambutan rasmi Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 1 Jun 2026, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

### "YANG DI-PERTUAN AGONG: PAYUNG KEDAULATAN NEGARA"

Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾﴾

Bermaksud: Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad) serta *ululamri* (orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu! Kemudian, jika kamu berbeza pendapat (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan Rasul Nya (sunahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



adalah lebih baik (bagimu) dan lebih elok pula kesudahannya.

(Surah An-Nisa' ayat 59)

Menurut al-Qadhi Abu Ya'la dalam karyanya *al-Ahkam al-Sultaniyah*, fardu kifayah menuntut wajib diwujudkan pemimpin; kerana jika pemimpin tidak wujud, nescaya berlaku pertikaian secara berterusan terhadap sesuatu permasalahan. Imam Al-Mawardi menegaskan khalifah atau pemerintah sesebuah negara merupakan suatu kewajipan yang mesti dimiliki oleh ummah, bagi menguruskan hal ehwal negara selepas kewafatan Nabi SAW, dalam rangka menjaga kemurnian agama dan mengatur urusan kebajikan ummah.

Pemimpin yang dilantik hendaklah bercirikan khalifah yang adil, menjunjung tinggi serta mengamalkan syariat Allah, di samping membawa manusia lebih dekat kepada kebaikan dan dijauhi daripada kebinasaan.

### **Jemaah yang dilimpahi kemuliaan Ilahi**

Ketika negara mencapai kemerdekaan, warga di negara kita berpendirian wajar diteruskan sistem pemerintahan beraja yang merupakan sebahagian daripada sistem berkerajaan dan bernegeri yang telah lama berakar di bumi ini. Lalu diperkenalkan sistem berkerajaan dan bernegara yang menggabungkan institusi raja dengan institusi rakyat, berasaskan doktrin raja berperlembagaan – demokrasi berparlimen.

Persekutuan Tanah Melayu sewaktu menggubal Perlembagaan Merdeka, tidak sekadar mengekalkan tradisi beraja di peringkat negeri, malah telah memperkenalkan satu lagi lapisan pemerintahan beraja di peringkat Persekutuan, dengan mewujudkan seorang Ketua Utama Negara, bergelar Yang di-Pertuan Agong, Raja kepada seluruh Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong dipilih secara bergilir-bergilir dalam kalangan sembilan Raja Melayu oleh Raja-Raja Melayu untuk bertakhta selama lima tahun. Kewujudan takhta dan kaedah lantikan Yang di-Pertuan Agong ialah satu keaslian ciptaan yang telah mengekalkan identiti negeri beraja – rakyat bersultan di bumi ini.



Institusi Yang di-Pertuan Agong sangat penting, berperanan sebagai perekat sosial yang berjaya menyatukan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, menganuti pelbagai agama, menguasai pelbagai bahasa dan mengamalkan pelbagai budaya. Syariat Islam mewajibkan baginda melaksanakan pemerintahan dengan bersikap adil dan saksama tanpa menganiayai mana-mana rakyat yang berada di bawah payung naungan pemerintahan baginda.

Institusi Yang di-Pertuan Agong dan pemerintahan beraja, bukan sekadar lambang hiasan, terbatas melakukan tugas-tugas berbentuk kerajaan; di sebaliknya baginda diamanahkan dengan tanggungjawab kenegaraan secara perundangan yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Sembilan belas daripada 183 perkara, menyamai 10 peratus perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, menyentuh perkara berkaitan institusi Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja.

### Jemaah Rahimakumullah

Islam mewajibkan umatnya menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja pemerintah selagi raja pemerintah tidak menyeru kepada maksiat dan keburukan. Sabda Nabi SAW:

مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ، وَمَنْ يُطِيعِ الْأَمِيرَ فَقَدْ أَطَاعَنِي،  
وَمَنْ يَعْصِ الْأَمِيرَ فَقَدْ عَصَانِي

Bermaksud: "Barang siapa mentaati aku, sesungguhnya dia telah mentaati Allah, dan barang siapa menderhakai aku, dia telah menderhakai Allah. (Ingatlah) barang siapa mentaati pemerintah, sesungguhnya dia telah mentaati diri ku, dan barang siapa yang menderhakai pemerintah, dia telah menderhakai diri ku".

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Mimbar memperingatkan lima perkara berikut:

**Pertama:** Yang di-Pertuan Agong termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan sebagai ketua utama negara; pengiktirafan secara perundangan ini, telah menghembuskan nafas baharu untuk terus menghidupkan sistem pemerintahan berpaksi raja; membuktikan ketika kita mengharungi modenisasi,



kita tetap mengekalkan tradisi negeri beraja – rakyat bersultan. Sesungguhnya institusi Yang di-Pertuan Agong, sebagai pemerintah tertinggi yang menjadi pelindung, penaung dan lambang kedaulatan, telah memberi wajah dan identiti kepada negara bangsa Malaysia.

**Kedua:** Selaku ketua negara, Yang di-Pertuan Agong berperanan sebagai tonggak kestabilan, sumber keadilan, teras perpaduan dan payung penyatuan.

**Ketiga:** Yang di-Pertuan Agong berperanan sebagai penimbang tara yang bebas kepada cabang-cabang perundangan, eksekutif dan kehakiman, kekal mencuar tinggi atas segala polemik politik kepartian, demi memastikan terlaksana mekanisme semak dan imbang, sekali gus memperkukuhkan amalan demokrasi yang telus.

**Keempat:** Sistem raja berperlembagaan – demokrasi berparlimen perlu ditafsirkan sebagai perkongsian kuasa antara raja dengan rakyat. Pada umumnya dan dalam banyak perkara Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Perdana Menteri; tetapi baginda juga ada kuasa budi bicara, menggunakan hikmah dan kebijaksanaan, meneliti dan menilai, dalam menimbang nasihat yang dipersembahkan, jika bercanggah dengan perlembagaan, undang-undang, keadilan dan hak asasi manusia. Peranan raja memerintah, bukan mentadbir, dengan itu baginda bertanggungjawab mengawasi dan memastikan berlaku pentadbiran yang adil lagi saksama, teratur lagi telus. Oleh yang demikian amatlah penting baginda dibantu oleh barisan penasihat yang jujur lagi ikhlas, dipersembahkan dengan nasihat yang betul dan maklumat yang tepat, untuk membolehkan baginda bertindak secara arif, menitahkan keputusan yang adil lagi saksama, demi menjamin nasib rakyat terbela dan negara aman lagi sentosa.

**Kelima:** Takhta wajib menunjukkan sebaik contoh dalam memenuhi amanah Ilahi serta dalam memenuhi harapan tinggi rakyat demi memastikan kemuliaan takhta tidak tercemar dan kedaulatan raja tidak dipersendakan.



Khatib mengucapkan "Dirgahayu Tuanku, menjunjung kasih atas jasa dan bakti Ke bawah Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta para ulama yang muktabar meliputi aliran *Asya'irah* dan *Maturidiyyah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran



إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ  
بَيْنِهِمْ وَالْأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ  
اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَعِزِّزْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ،  
وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, kurniakanlah keafiatan ke atas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar begitu juga kepada Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah; limpahi petunjuk dan hidayah Mu membolehkan baginda melaksanakan pemerintahan secara adil - secara saksama, berlandaskan hukum.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikan harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi umat Islam yang sedang dizalimi serta ditindas oleh musuh-musuh Islam terutamanya umat Islam di Palestin dan Iran yang kini menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel, bersama Amerika Syarikat dan sekutu mereka; limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada hamba-hamba Mu di bumi Palestin dan Iran untuk dapat kembali hidup dalam suasana yang aman, selamat serta makmur.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.